

Program Mobiliti erat hubungan UMS-UUM-UNPAS

► Peluang pelajari budaya universiti masing-masing

UB 11.1.2017 B4

SERAMAI 19 pelajar dari Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP) Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universitas Pasundan Bandung Indonesia (UNPAS) menamatkan Program Mobiliti Berkredit semester 1 sesi 2016/2017, baru-baru ini. Menurut Dekan FPP Profesor Madya Dr Mohd Dahlan A Malek, program mobiliti yang disertai oleh para pelajar merupakan

“Saya percaya pelajar-pelajar dari UUM dan UNPAS secara tidak langsung dapat mempelajari budaya dan bahasa orang Sabah apabila mereka berada di UMS. Begitu juga dengan pelajar UMS yang berpeluang belajar di UUM, pasti mereka berasa seronok berada di sana.”



PROFESOR MADYA DR MOHD DAHLAN A MALEK
Dekan FPP




WAKIL UUM, Che Zulfikar Che Pa berkongsi pengalaman semasa berada di UMS.

titik ukur sekiranya mereka ingin melanjutkan pengajian di peringkat sarjana dan Doktor Falsafah (PhD), sama ada di UMS, UUM atau UNPAS.

“Menerusi program mobiliti ini, para pelajar juga dapat mengasah dan memantapkan kemahiran insaniah sebagai persediaan

banyak suka dan duka yang kami lalui, tapi itu semua akan menjadi bekalan buat kami untuk lebih berdedikasi. Sikap warga UMS yang suka membantu tidak kira dalam pengajian formal atau tidak, pasti akan kami rindui.

“Kami amat gembira dan bersyukur kerana UMS



WAKIL UMS, Junior Tan berkongsi pengalaman semasa berada di UUM.



WAKIL UNPAS, Firman Arif Maulana berkongsi pengalaman semasa berada di UMS.

hijau di UMS.

Bagi Firman Arif Maulana dari UNPAS, beliau menyifatkan pengalaman berkuliah di UMS sebagai satu memori terindah.

“Kami berterima kasih kepada warga UMS yang sudi menerima kami. Rasanya seperti tidak cukup dan masih mahu berada di UMS. Pasti kami akan rindu teman-teman

dan para pensyarah UMS,” katanya.

Pada majlis itu, Dahlan turut menyampaikan sijil tamat program kepada pelajar dari kedua-dua universiti berkenaan.

Turut hadir, Timbalan Dekan Akademik dan Antarabangsa FPP UMS Dr Roslee Talib dan Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar FPP Dr Getrude Cosmas.



PERSEMBAHAN tarian daripada pelajar UNPAS.



PELAJAR mobiliti bergambar kenangan dengan dekan dan para pensyarah FPP UMS.

peluang untuk mereka mempelajari budaya yang terdapat di ketiga-tiga universiti berkenaan.

“Saya percaya pelajar-pelajar dari UUM dan UNPAS secara tidak

langsung dapat mempelajari budaya dan bahasa orang Sabah apabila mereka berada di UMS.

“Begitu juga dengan pelajar UMS yang berpeluang belajar di

UUM, pasti mereka berasa seronok berada di sana,” katanya ketika merasmikan majlis penutupan program itu di Bilik Seminar FPP.

Beliau berkata program itu juga merupakan satu

menempuh alam pekerjaan kelak,” katanya.

Sementara itu, pelajar UUM, Che Zulfikar Che Pa berkata pengalaman belajar di UMS memberi kenangan indah buat beliau dan rakan-rakan.

“Satu semester di sini

memberi kami peluang mengikuti program komuniti dan dapat bergaul dengan masyarakat di luar bandar. Ia satu pengalaman yang tidak akan kami lupakan,” katanya yang turut teruja dengan idea EcoCampus dan kampus